



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### **MOSTI LANCAR HALATUJU EKOSISTEM STARTUP MALAYSIA (SUPER) 2021-2030 DAN PLATFORM DIGITAL MYSTARTUP**

---

**KUALA LUMPUR, 18 NOVEMBER 2021** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menetapkan sasaran untuk membina ekosistem *start-up* yang kondusif dengan pelancaran Pelan Hala Tuju Ekosistem *Start-up* Malaysia (SUPER) 2021-2030 dan platform *MYStartup*.

SUPER adalah pelan untuk membangunkan ekosistem *start-up* negara yang dinamik dan sejajar dengan Wawasan 2030. *MYStartup* pula adalah portal digital sumber maklumat yang menyediakan perkhidmatan pemudah cara menyeluruh untuk rangkaian ekosistem *start-up*.

Untuk makluman, SUPER dirangka untuk meningkatkan keluaran dalam negara kasar negara. Selain itu, menyumbang kepada penciptaan pekerjaan bernilai tinggi serta meluaskan pelaburan teknologi teras menjelang 2030. Pembangunan SUPER telah mengambil kira maklum balas daripada lebih 300 pihak berkepentingan ekosistem *start-up*.

SUPER adalah untuk semua Keluarga Malaysia, termasuk kerajaan, pelabur serta *innovators* untuk mencapai matlamat utama meletakkan Malaysia sebagai salah satu daripada 20 ekosistem *start-up* utama global.

Manakala, platform *MYStartup* adalah portal digital sumber maklumat kebangsaan bertujuan untuk membantu pemain ekosistem mengemudi ekosistem *start-up*, memacu inovasi tempatan, serta bantuan dan bimbingan berterusan dalam mewujudkan *start-up* yang mempunyai nilai pelaburan bertaraf dunia. *MYStartup* memainkan peranan penting dalam memperkasa pertumbuhan ekonomi melalui STI.

Menteri MOSTI, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, berkata, "MOSTI membuka lebih banyak pintu dan meluaskan rangkaian untuk pemulihan ekonomi negara yang dinamik dan pesat pasca COVID-19. SUPER bertindak sebagai matlamat utama bagi semua dasar dan panduan negara lain yang berkaitan dengan *start-up*. Pelan ini selari dengan DSTIN 2021-2030, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dan Dasar 4IR Negara."

"Di peringkat ekosistem, *MYStartup* menyatukan pelbagai pemain industri dan mewujudkan kerjasama supaya tidak bekerja secara *silo*. Melalui platform nasional ini, kolaborasi berimpak tinggi akan dipergiatkan bersama-sama perkhidmatan pemberian sokongan dan bimbingan berterusan dalam mewujudkan *start-up* yang boleh berkembang", tambah beliau lagi.

Misi MOSTI adalah untuk mempersiapkan siagakan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pengasas dan inovator *start-up* menubuhkan ibu pejabat perniagaan mereka.

*MYStartup* adalah salah satu dari 16 intervensi yang dikenal pasti dibawah lima pemacu ekonomi dalam SUPER. Menurut pengumuman Bajet 2022 pada bulan lepas, RM20 juta telah diperuntukkan kepada Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle).

“Cradle, agensi di bawah MOSTI, telah diberi mandat sebagai *focal point* yang menguruskan ekosistem pembangunan *start-up* daripada fasa permulaan sehingga pertumbuhan untuk meningkatkan daya saing *start-up* tempatan di peringkat antarabangsa. SUPER akan mendorong industri *start-up* dengan mewujudkan 5,000 *start-up* dan memberi sasaran bahawa akan terdapat 5 syarikat berstatus *unicorn* menjelang 2025,” tambah Dato’ Sri Dr. Adham.

Melalui platform *MYStartup*, MOSTI akan meningkatkan kolaborasi tempatan dan antarabangsa serta menggabungkan semua pemain ekosistem untuk bekerjasama mengukuhkan rangkaian ini. Platform ini bertujuan untuk membantu semua pemain ekosistem *start-up* serta membangun *start-up* tempatan menjadi pemain global. *MYStartup* akan memainkan peranan dalam memacu pertumbuhan ekonomi melalui STI.

Portal *MYStartup* dijangka akan memanfaatkan lebih daripada 1,000 pemegang taruh ekosistem *startup* dalam tahun pertama menerusi inisiatif dan program yang akan dikongsi di platform ini seperti pembiayaan, program *Bootcamp*, program *Accelerator*, *Hackathon*, bimbingan dan kursus latihan.

Para *start-up*, pelabur, pemain industri dan pembina ekosistem digalakkan mendaftar pada platform *MYStartup* di [www.mystartup.gov.my](http://www.mystartup.gov.my) bagi mendapatkan akses kepada cerapan dan sumber mengenai ekosistem *start-up* Malaysia.

**[TAMAT]**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**